



Semua Pelajar Prasiswazah & Pascasiswazah
Kampus Bangi Dan Kuala Lumpur
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Kolej Tun Dr. Ismail, HCTM)

Saudara/i,

PEKELILING PUSAT PERUMAHAN PELAJAR BIL 2/2023

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk

Selaras dengan cuti semester 2 sesi 2022/2023 yang akan bermula pada **11 Jun 2023**, berikut merupakan ketetapan berkaitan dengan perumahan pelajar

1.0 A) PERMOHONAN BAHARU PENGINAPAN PELAJAR PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH BAGI SEMESTER 1 SESI 2023/2024

Pelajar boleh membuat **permohonan penginapan** pada tarikh seperti berikut:

Tarikh	URL
13 – 18 Julai 2023	https://appsmu.ukm.my/ekolej

*Keputusan permohonan penginapan tertakluk kepada kekosongan kolej kediaman

B) PENGESAHAN PENGINAPAN PELAJAR PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH BAGI SEMESTER 1 SESI 2023/2024

Pelajar yang berjaya mendapat penginapan Semester 1 Sesi 2023/2024 diminta untuk membuat **pengesahan kolej bagi Semester 1 Sesi 2023/2024** seperti tarikh berikut:

Tarikh	URL
27 Julai - 2 Ogos 2023	https://appsmu.ukm.my/ekolej

Nota:

1. Pelajar yang tidak membuat pengesahan penginapan bagi Semester 1 Sesi 2023/2024 dianggap tidak berminat untuk tinggal di kolej dan bilik tersebut akan ditawarkan kepada pelajar rayuan
2. Pelajar tidak dibenarkan untuk meletakkan barang di dalam bilik sepanjang cuti semester 2 Sesi 2022/2023 bagi memberi laluan kepada penginapan luar program Universiti. Pelajar boleh menyimpan barang di stor yang akan disediakan oleh pihak kolej

PUSAT PERUMAHAN PELAJAR

Aras 4, Bangunan Pusanika, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4367 Faks: E-mel: pghperumahan@ukm.edu.my

C) PERMOHONAN RAYUAN PENGINAPAN PELAJAR PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH BAGI SEMESTER 1 SESI 2023/2024

Bagi pelajar yang tidak berjaya mendapat penginapan, **rayuan** penginapan boleh dibuat seperti berikut:

Tarikh	URL
3 – 7 Ogos 2023	https://appsmu.ukm.my/rayuankolej

*Hanya pelajar yang membuat permohonan kolej sahaja dibenarkan untuk membuat rayuan. Keputusan rayuan kolej tertakluk kepada kekosongan kolej.

Nota: Pengiraan markah emerit akan diambil daripada aktiviti pelajar pada sesi 2022/2023 sehingga 18 Julai 2023

2.0 PENDAFTARAN KELUAR KOLEJ SEMESTER 2 SESI 2022/2023 DAN PERATURAN PENGOSONGAN BILIK SERTA PENYIMPANAN BARANG

2.1 Berikut adalah peraturan pengosongan bilik dan penyimpanan barang:

2.1.1 Tarikh akhir **mengosongkan bilik** dan pemulangan kunci di kolej kediaman:

Bil	Perkara	Tarikh	Masa
1.	Perubatan Tahun 1	20 Ogos 2023	Isnin hingga Jumaat 8.30 pagi - 12.30 tengahari 2.30 petang - 4.30 petang
2.	Perubatan Tahun 2	23 Julai 2023	
3.	Perubatan Tahun 3	11 Jun 2023	
4.	Perubatan Tahun 4	30 Julai 2023	
5.	Perubatan Tahun 5	10 September 2023	
6.	Kejururawatan Tahun 1	27 Ogos 2023	
7.	Kejururawatan Tahun 2 dan 3	3 September 2023	
8.	Kejururawatan Tahun 4	30 Julai 2023	
9.	Perubatan kecemasan Tahun 2 dan 4	6 Ogos 2023	
10.	Pascasiswazah PerubatanTahun 1	8 Oktober 2023	

2.1.2 Kehilangan kunci akan didenda sebanyak RM20.00;

2.1.3 Barang-barang di dalam bilik hendaklah dikeluarkan dan pastikan bilik anda ditinggalkan dalam keadaan bersih dan sempurna serta dikunci. Pastikan suis lampu dan kipas dimatikan sebelum meninggalkan bilik;

2.1.4 Denda akan dikenakan jika didapati bilik ditinggalkan dalam keadaan kotor atau lampu/ kipas tidak dimatikan;

PUSAT PERUMAHAN PELAJAR

Aras 4, Bangunan Pusanika, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4367 Faks: E-mel: pghperumahan@ukm.edu.my

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my

- 2.1.5 Sebarang kerosakan perabot atau perkakas bilik yang rosak akibat daripada kecuaiannya saudara/i akan dikenakan caj ganti rugi mengikut kadar yang ditetapkan;
- 2.1.6 Pentadbiran kolej akan menyediakan stor menyimpan barang;
- 2.1.7 Dokumen-dokumen penting seperti sijil, kad pengenalan, kad kolej, kad matrik, barang-barang kemas dan lain-lain barang berharga **tidak dibenarkan** disimpan di dalam stor;
- 2.1.8 Pihak pentadbiran kolej tidak akan bertanggungjawab di atas keselamatan barang-barang yang disimpan;
- 2.1.9 Saudara/i adalah dilarang menyimpan barang di dalam bilik kuasa elektrik, bilik basuh, surau, bilik pili bomba, bilik aktiviti pelajar dan lain-lain ruang yang tidak dibenarkan oleh pihak pentadbiran kolej;
- 2.1.10 Barang yang tidak diambil dalam jangka masa yang ditetapkan akan dianggap tidak berguna dan akan dilupuskan

3.0 PERMOHONAN PENGINAPAN LUAR SEMESTER SESI 2022/2023 DAN PENDAFTARAN MASUK SERTA KELUAR LUAR SEMESTER 2 SESI 2022/2023

Bagi pelajar yang ingin memohon menginap di kolej pada cuti luar semester, permohonan penginapan boleh dibuat seperti berikut:-

Tarikh	URL
14 - 17 Julai 2023	https://apps.mu.ukm.my/ekolej

Pendaftaran masuk penginapan luar semester adalah seperti berikut:

Tarikh	Masa
6 - 8 Ogos 2023	9.00 pagi – 12.30 tengah hari 2.30 petang – 4.30 petang

Pendaftaran keluar penginapan luar semester adalah seperti berikut:

Tarikh	Masa
24 September 2023	9.00 pagi – 12.00 tengah hari

4.0 PENDAFTARAN MASUK PELAJAR PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH SEMESTER 1 SESI 2023/2024

Bagi pelajar yang telah membuat pengesahan dan mendapat tawaran kolej bagi Semester 1 Sesi 2023/2024, butiran pendaftaran masuk Semester 1 Sesi 2023/2024 adalah seperti berikut:

Bil	Perkara	Tarikh	Masa
1.	Perubatan Tahun 1	1 Oktober 2023	8.30 pagi - 1.00 petang
2.	Perubatan Tahun 2	2 Oktober 2023	
3.	Perubatan Tahun 3	4 September 2023	2.30 petang – 4.30 petang
4.	Perubatan Tahun 4	18 September 2023	
5.	Perubatan Tahun 5	18 September 2023	

PUSAT PERUMAHAN PELAJAR

Aras 4, Bangunan Pusanika, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4367 Faks: E-mel: pghperumahan@ukm.edu.my

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my

6.	Kejururawatan Tahun 1	1 Oktober 2023	
7.	Kejururawatan Tahun 2, 3 dan 4	25 September 2023	
8.	Perubatan kecemasan Tahun 2, 3 dan 4	7-9 Oktober 2023	

(*) tertakluk pada perubahan

Sekiranya saudara/i tidak mendaftar pada tarikh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah, tempat saudara/i akan ditawarkan kepada pelajar rayuan. Semua kelulusan rayuan kolej adalah tertakluk kepada kekosongan

Kerjasama yang saudara/i berikan amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



MOHD FIRDAUS YAHAYA
Menjalankan Tugas Pengarah
Pusat Perumahan Pelajar

- s.k. - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
- Pengarah, Pusat Hal Ehwal Pelajar
- Pengetua Kolej Kediaman
- Ketua Pentadbiran Kolej Kediam

PUSAT PERUMAHAN PELAJAR

Aras 4, Bangunan Pusanika, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4367 Faks: E-mel: pghperumahan@ukm.edu.my

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my